

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KOTA BHARU

RAYUAN JENAYAH NO: TAHUN 2017

*(Di dalam Perkara Mahkamah Majistret Kota Bharu
Kes Tangkap No: MKB (A) 83-43-02/2016)*

ANTARA

PENDAKWARAYA

... PERAYU

DAN

CHARLES SUGUMAR A/L M. KARUNNANITHI

... RESPONDEN

ALASAN PENGHAKIMAN

[1] Ini adalah rayuan daripada pihak Pendakwaraya (“Perayu”) terhadap keputusan Majistret, Mahkamah Majistret Kota Bharu yang telah diberikan pada 31.5.2017, di mana Responden telah dilepas dan dibebaskan di akhir kes pembelaan dari ketiga-tiga pertuduhan di bawah Seksyen 424 Kanun Keseksaan.

Rayuan Perayu adalah di atas pelepasan dan pembebasan tersebut.

PENDAHULUAN

[2] Pertuduhan-pertuduhan yang dikenakan terhadap Responden adalah sepermata berikut:-

Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu pada 17/11/2015 jam lebih kurang 1.11 petang, bertempat di HUSM Kubang Kerian di dalam daerah Kota Bharu dalam Negeri Kelantan didapati dengan curangnya menolong menyembunyikan harta orang lain iaitu wang sebanyak RM 15,000.00 yang dipindahkan ke dalam akaun Maybank milik kamu bernombor 114058757432 oleh Normila binti Abdul Hadi KPT: 830520-03-5286 yang mana kamu tahu bahawa wang tersebut bukanlah milik kamu. Oleh itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 424 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu pada 18/11/2015 jam lebih kurang 2.34 petang, bertempat di HUSM kubang Kerian di dalam daerah Kota Bharu dalam Negeri Kelantan didapati dengan curangnya menolong menyembunyikan harta orang lain iaitu wang sebanyak RM 17000.00 yang dipindahkan ke dalam akaun Maybank milik kamu bernombor 114058757432 oleh Normila binti Abdul Hadi KPT: 830520-03-5286 yang mana kamu tahu bahawa wang tersebut bukanlah milik kamu. Oleh itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 424 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Ketiga

Bahawa kamu pada 18/11/2015 jam lebih kurang 2.41 petang, bertempat di HUSM Kubang Kerian di dalam daerah Kota Bharu dalam Negeri Kelantan didapati dengan curangnya menolong menyembunyikan harta orang lain iaitu wang sebanyak RM

4,300.00 yang dipindahkan ke dalam akaun Maybank milik kamu bernombor 114058757432 oleh Normila binti Abdul Hadi KPT: 830520-03-5286 yang mana kamu tahu bahawa wang tersebut bukanlah milik kamu. Oleh itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 424 Kanun Keseksaan.

PERUNTUKAN SEKSYEN 424 KANUN KESEKSAAN

Penjara selama tempoh boleh sampai 5 tahun, atau denda atau dengan kedua-duanya.

BEBAN PEMBUKTIAN KES DI PERINGKAT PENDAKWAAN

[4] Setelah pihak pendakwaan menutup kes, pihak pendakwaan hendaklah membuktikan satu kes prima facie terhadap OKT. Seksyen 173 (f) (i) Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) jelas menyatakan sedemikian:-

“When the case for the prosecution is concluded, the Court shall consider whether the prosecution has made out a prima facie against the accused”.

Rujukan juga kepada Seksyen 180 KTJ yang menyatakan sepetimana berikut:-

- 1) When the case for the prosecution is concluded, the Court shall consider whether the prosecution has made out a prima facie case against the accused.***
- 2) If the Court finds that the prosecution has not made out a prima facie case against the accused, the court shall record an order of acquittal***
- 3) If the Court finds that the prosecution has made out a prima facie case against the accused on the offence charged, the court shall call upon the accused to enter on his defence.***

Perkara ini dibincangkan dengan lebih lanjut dan terperinci di dalam kes **BALACHANDRAN V PP [2005] CLJ 85 FC**, yang mana YA Hakim menyatakan sepetimana berikut:-

Section 180 (1) makes it clear that the standard of proof on the prosecution at the close of its case is to make out a *prima facie* case while s. 182A (1) enunciates that at the conclusion of the trial the court shall consider all the evidence adduced and decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt. The standard of proof on the prosecution at the end of its case and at the end of the whole case has thus been statutorily spelt out in clear terms. The submission made thus therefore be ratiocinated against the background of the meaning of the phrase “*prima facie* case” in s. 180. Section 180 (2) provides that the court shall record an order of acquittal if a *prima facie* case has not been made out while s. 180 (3) provides that if a *prima facie* case has been made out the accused shall be called upon to enter his defence. A *prima facie* case is therefore on that is sufficient for the accused to be called upon to answer.

YA Hakim seterusnya menyatakan:-

The test at the close of the case for the prosecution would therefore be: Is the evidence sufficient to convict the accused if he

elects to remain silent? If the answer is in the affirmative then a prima facie case has been made out. This must, as of necessity, require a consideration of the existence of any reasonable doubt in the case for the prosecution. If there is any such doubt there can be no prima facie case.

Rujukan juga dibuat kepada kes **LOW KOW CHAI V PP [2003] 1 CLJ 734** dan **MOHD RADZI ABU BAKAR [2006] 1 CLJ 457.**

KES PENDAKWAAN

[5] Bagi memudahkan pemahaman terhadap kes ini pihak Perayu akan dirujuk sebagai pihak pendakwaan manakala Responden akan dirujuk sebagai OKT sepetimana yang digunakan di dalam kes perbicaraan terdahulu.

Dalam kes ini pihak pendakwaan telah memanggil seramai 3 orang saksi untuk membuktikan kes mereka. Saksi-saksi yang dikemukakan adalah sepetimana berikut:-

SP1 – Normila binti Abdul Hadi	- Pengadu
SP2 - Sarjan Mat Roni bin Awang Ngah	- Pegawai tangkap
SP3 – Insp Noor Ashikin binti Abu Hashim	- Pegawai Penyiasat kes

[6] Fakta ringkas kes pendakwaan

Pengadu (SP1) yang merupakan seorang pegawai perubatan yang bertugas di HUSM Kubang Kerian pada masa kejadian. Pengadu telah membuat tiga transaksi online banking ke akaun Maybank milik OKT yang bernombor 114058757432. Transaksi pertama pada 17.11.2015 sebanyak RM15,000.00. Transaksi kedua pada 18.11.2015 sebanyak RM17,000.00 pada jam 2.34 petang. Manakala transaksi ketiga pada 18.11.2015 sebanyak RM4,300.00 pada jam 2.41 petang.

Mengimbas kembali apa yang berlaku, pengadu menceritakan bahawa beliau ada berkenalan melalui facebook dengan seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai Alfred Hammon (*"lelaki tersebut"*) yang berasal dari UK. Mulanya lelaki tersebut menghantar pesanan (message) perkenalan kepada pengadu dan berbual seperti biasa sahaja.

Setelah beberapa minggu berkenalan, lelaki tersebut memberitahu pengadu bahawa beliau ingin datang ke Malaysia atas urusan kerja yang mana lelaki tersebut mendapat tawaran kerja dengan Petronas di Kota Kinabalu, Sabah. Lelaki itu memaklumkan bahawa bila dia sampai ke Malaysia beliau tidak bawa cash tetapi hanya membawa cek Baclays Bank yang berharga 3 juta. Beliau tidak dapat menunaikan cek tersebut kerana nilainya yang sangat besar. Untuk menunaikan cek tersebut beliau perlukan wang tunai sebanyak RM100,000.00. Pada masa inilah lelaki tersebut meminta pertolongan pengadu kerana beliau juga perlukan duit untuk bayaran hotel. Pegadu bersetuju untuk menolong lelaki tersebut. Lelaki tersebut berjanji akan membuat bayaran balik pada pengadu apabila dia balik ke negara asal dan cek beliau dapat ditunaikan. Bayaran yang dijanjikan adalah beserta dengan faedah sekali.

Ketika hendak membuat pembayaran, pengadu ada berurusan melalui panggilan telefon menggunakan nombor peribadi dengan seorang pegawai wanita dari bank Standard Chartered yang menurut pengadu bernama Nadia atau Diana. Wanita inilah yang bercakap dengan pengadu berkenaan cek Barclays Bank milik lelaki tersebut yang tidak

dapat ditunaikan itu. Beliau jugalah yang memberikan arahan kepada pengadu untuk transaksi kemasukkan duit. Nombor akaun Maybank milik OKT no. 114058757432 juga diberikan oleh wanita ini kepada pengadu sebelum transaksi kemasukan duit itu dibuat oleh pengadu.

Selepas melakukan tiga transaksi tersebut, wanita itu masih menyatakan jumlahnya masih belum mencukupi dan perlu perlu membuat bayaran lanjut. Pengadu telah merayu kepada wanita tersebut, pengadu juga telah menghantar sms kepada wanita tersebut akan tetapi tidak berbalas. Ketika inilah pengadu merasakan ada sesuatu yang tidak kena telah berlaku. Beliau telah berusaha dengan menghubungi pihak bank Standard Chartered untuk bertanyakan tentang hal yang berlaku dan pengadu telah di maklumkan bahawa tiada pegawai yang berkenaan di bank tersebut.

Pihak bank kemudiannya telah menasihati pengadu untuk membuat laporan polis kerana kemungkinan telah ditipu.

Setelah itu pengadu juga tidak dapat menghubungi Alfred Hammon Merasakan diri beliau ditipu Pengadu telah membuat laporan polis berkaitan kes ini sepetimana Kuala Krai repot no. 7303/2015.

KEPUTUSAN MAHKAMAH DI PERINGKAT PENDAKWAAN

[7] Berdasarkan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan di atas tadi dan setelah mahkamah ini membuat penilaian yang secara maksimum terhadap keterangan tersebut. Sepetimana beban pembuktian kes pendakwaan yang telah dibincangkan di atas tadi dan sepetimana peruntukan Seksyen 180 Kanun Tatacara Jenayah, Mahkamah di peringkat ini mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap OKT. Oleh yang demikian, mahkamah ini telah memanggil OKT membela diri atas ketiga-tiga pertuduhan dibawah Seksyen 424 Kanun Keseksaan. Keputusan Mahkamah yang mulia ini adalah berdasarkan kepada dapatan-dapatan yang dinyatakan di bawah ini.

DAPATAN MAHKAMAH

[8] Pertamanya, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa pengadu telah membuat transaksi kemasukan duit sebanyak tiga transaksi iaitu sekali pada 17.11.2015 dan dua kali pada 18.11.2015 ke akaun Maybank yang bernombor 114058757432.

Keduanya, Pengadu (SP1) sendiri mengesahkan bahawa beliau telah memasukkan duit sebanyak RM15,000.00 pada 17.11.2015 dan pada 18.11.2015 sebanyak RM17,000.00 dan RM4,300.00 seperti mana yang dinyatakan di atas tadi ke akaun maybank no 114058757432 .

Ketiganya, pegawai penyiasat kes iaitu SP3 telah mengesahkan bahawa akaun Maybank no 114058757432 adalah kepunyaan dan/atau milik OKT di dalam kes ini iaitu Charles Sugumar A/L M. Karunananithi.

Keempatnya, OKT tidak pernah mempertikaikan no akaun Maybank di atas adalah bukan milik beliau dan beliau juga tidak pernah menafikan bahawa sejumlah duit seperti mana yang dinyatakan diatas tadi ada dimasukkan ke akaun tersebut.

Oleh itu, berdasarkan kepada dapatan-dapatan di atas tadi, mahkamah yang mulia ini percaya OKT perlu dipanggil membela diri bagi menjawab ketiga-tiga pertuduhan yang dikenakan terhadap beliau oleh pihak pendakwaan.

KES PEMBELAAN

[9] Setelah mahkamah memanggil OKT membela diri, mahkamah telah menerangkan tiga pilihan bela diri secara terang, jelas dan terperinci kepada OKT. OKT kemudiannya telah memilih untuk membela diri secara memberikan keterangan bersumpah di kandang saksi.

Di peringkat pembelaan, OKT telah mengemukakan 1 orang saksi sahaja seperimana berikut:-

SD1 – Charles Sugumar A/L Karunananithi - OKT sendiri

BEBAN PEMBUKTIAN

[10] Diperingkat ini, mahkamah hendaklah memastikan bahawa samada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes mereka “*beyond reasonable doubt*”. Tugas pihak pembelaan hanyalah perlu untuk menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah bagi mengagalkan tugasan pihak pendakwaan tersebut. Oleh itu, ianya jelas bahawa walaupun mahkamah telah memanggil OKT membela diri terhadap pertuduhan, OKT masih boleh dilepas dan dibebaskan oleh mahkamah asalkan beliau dapat menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan.

Seksyen 182A KTJ menyatakan sepetimana berikut;

- 1) *At the conclusion of the trial, the Court shall consider all the evidence adduced before it and shall decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt.*
- 2) *If the Court finds that the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt, the Court shall find the accused guilty and may be convicted convicted on it.*

3) If the Court finds that the prosecution has not proved its case beyond reasonable doubt, the Court shall record an order of acquittal.

Dalam kes MAT v PP [1963] MLJ 263, mahkamah menyatakan sepetimana berikut:-

"If the Court accepts the explanation given by or on behalf of the accused, it must be acquitted. But it does not entitle the court to convict if it does not believe the explanation, for he is still entitle to an acquittal if the explanation raises a reasonable doubt as to his guilt, as the onus of proving his guilt lies throughout on the prosecution. If upon the whole evidence the court is left in a real state of doubt, the prosecuition has failed to satisfy the onus of proff which lies upon it".

Di dalam kes MOHAMAD RADHI BIN YAAKOB v PP [1991] 3 MLJ 169 mahkamah menyatakan sepetimana berikut:-

“Even though a judge does not accept or believe the accused’s explanation, the accused must not be convicted until the court is satisfied for sufficient reason that such explanation does not cast a reasonable doubt on the prosecution case”.

Keterangan OKT (SD1)

[11] OKT di dalam keterangan beliau menyatakan bahawa beliau bekerja sebagai pemandu pelancong yang mempunyai syarikat sendiri atas nama Chennai Transport & Management Services yang berdaftar dengan SSM sejak tahun 2014 lagi. Syarikat beliau ini menyediakan perkhidmatan pelancongan kepada pelancong-pelancong dari dalam dan luar negara. Menurut beliau, syarikat beliau menerima pelanggan dari panggilan telefon, tempahan melalui e-mail dan juga tempahan melalui laman sesawang syarikat serta rekomendasi dari kenalan-kenalan yang pernah mendapat perkhidmatan beliau sebelum ini.

Menurut OKT lagi, pada 2015 beliau ada menerima seorang pelanggan lelaki dari negara Arab yang ingin mendapatkan perkhidmatan pelancongan dari beliau. Perkhidmatan OKT diperolehi oleh lelaki Arab tersebut melalui panggilan telefon yang menggunakan nombor peribadi. OKT bertemu sendiri dengan lelaki tersebut dan beliau mengatakan bahawa lelaki tersebut seorang berbangsa Arab ketika mendengar percakapan beliau dengan rakan beliau melalui telefon manakala

mereka pula berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris. OKT juga menyatakan bahawa lelaki Arab tersebut tersebut menggunakan khidmat beliau selama dua minggu untuk melawat tempat-tempat bersejarah dan pusat-pusat membeli belah di sekitar Lembah Kelang dengan bayaran RM50.00 sejam.

Menurut OKT lagi, sebagai pemandu pelancong beliau akan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan beliau dengan harapan beliau akan mendapat pelanggan yang lain pula selepas ini apabila di perkenalkan oleh pelanggan-pelanggan yang berpuashati dengan perkhidmatan yang beliau telah berikan. Itu adalah cara kerja OKT sebagai seorang pemandu pelancong bagi mendapatkan pelanggan-pelanggan. Menurut OKT lagi, berkenaan dengan pertuduhan-pertuduhan yang beliau sedang hadapi pada hari ini beliau ada memberi pinjam akaun bank beliau kepada lelaki Arab tersebut. OKT berbuat demikian kerana beliau dimaklumkan bahawa kawan kepada lelaki Arab tersebut ingin memasukkan duit kepada beliau untuk membolehkan beliau melanjutkan tempoh pelancongan di Malaysia dan bagi tujuan pembelian barang-barang berharga untuk dibawa balik ke negara asal beliau. Bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik dan tanpa mengesyaki apa-apa muslihat terhadap lelaki Arab tersebut OKT telah memberikan nombor akaun Maybank beliau untuk digunakan. Pemberian nombor akaun tersebut hanyalah sebagai pertolongan dan tanpa menerima apa-apa imbuhan atau komisen dari lelaki Arab tersebut.

OKT juga menyatakan bahawa setelah duit itu dimasukkan ke dalam akaun beliau, beliau telah mengeluarkan semuanya dan menyerahkan keseluruhannya kepada lelaki Arab tersebut yang mana jumlahnya beliau tidak ingat. Ini kerana beliau tidak pernah mengesyaki apa-apa yang pelik terhadap lelaki Arab tersebut.

Begitu juga, OKT di dalam keterangan beliau tidak pernah mengenali lelaki yang dinyatakan oleh pegawai penyiasat kes. OKT juga tidak pernah mengenali seorang wanita yang bernama Diana/Nadia yang dinyatakan oleh pengadu. Seseorang yang bernama Shandy Vianni juga beliau tidak pernah mengenalinya malah pengadu sendiri (SP1) beliau langsung tidak pernah mengenalinya. Nama-nama yang ditimbulkan semasa kes pendakwaan semuanya langsung tidak dikenali oleh OKT dan beliau juga tidak tahu-menahu siapakah nama orang yang memasukkan duit ke dalam akaun beliau untuk diberikan kepada lelaki Arab tersebut kerana beliau tidak mengesyakki apa-apa yang tidak baik. Ini kerana sebagai seorang pemandu pelancong niat OKT hanyalah untuk menolong dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada lelaki Arab tersebut. Itu adalah cara kerja OKT.

OKT juga menyatakan bahawa alamat yang tercatat dalam kenyataan beramaran yang beliau telah berikan kepada pegawai penyiasat kes adalah sama dengan alamat yang beliau gunakan sekarang. Begitu juga alamat di dalam rekod SSM dan juga alamat di akaun Maybank tidak pernah berubah dan jelas sama dengan alamat yang beliau gunakan sekarang.

Menurut OKT lagi beliau tidak menyimpan dokumen pegenalan pelanggan beliau ini kerana lelaki Arab ini tidak menempah tiket melalui syarikat beliau. OKT juga menyatakan bahawa beliau hanya memanggil lelaki Arab tersebut dengan panggilan “SIR” sahaja sebagai tanda hormat yang paling tinggi kepada pelanggan beliau. Ia adalah panggilan yang sangat dihargai dan dihormati oleh pelanggan-pelanggan beliau. Atas sebab itulah beliau tidak dapat mengingati nama lelaki Arab tersebut.

OKT juga sepanjang keterangan beliau terus-menerus manafikan pertuduhan ke atas beliau ini. OKT juga menyatakan bahawa beliau adalah mangsa keadaan yang dipergunakan oleh lelaki Arab tersebut yang telah mengambil kesempatan di atas kebaikan dan keikhlasan beliau. Apa yang beliau lakukan dengan meminjamkan akaun beliau kepada lelaki Arab tersebut adalah bertujuan untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan beliau dengan harapan beliau akan memperolehi pelanggan yang lain pada masa hadapan atas rekomendasi pelanggan-pelanggan yang berpuashati dengan perkhidmatan yang beliau telah berikan.

OKT juga seterusnya menegaskan bahawa jika beliau mengetahui niat tidak baik lelaki Arab tersebut nescaya beliau tidak akan memberikan akaun Maybank beliau kepada lelaki Arab tersebut untuk digunakan.

DAPATAN MAHKAMAH

[13] Mahkamah telah mendengar versi keterangan OKT. Mahkamah dapati keterangan OKT adalah konsisten sejak dari awal lagi. Ketika di peringkat pendakwaan lagi pihak pembelaan telah menimbulkan isu OKT sebagai seorang pemandu pelancong telah memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan beliau dengan memberi pinjaman nombor akaun kepada pelanggan beliau bagi memuaskan hati pelanggan. Mahkamah mendapati OKT adalah seorang yang boleh dipercayai.

Harus diingat bahawa mahkamah telah melihat demeanour OKT ketika memberikan keterangan. Mahkamah dapati OKT adalah seorang yang kredibel dan boleh dipercayai. Mahkamah dapati keterangan beliau adalah konsisten dan boleh diterima pakai. Mahkamah dapati keterangan beliau boleh dipercayai dan tiada sebab mahkamah ini menolak keterangan beliau.

Dalam kes **NORDIN BIN ATAN & ANOR V PP [2000] 5 CLJ 334**

Richard Malanjum J menyatakan:-

“the true test is whether to accept or reject the evidence of a witness is to consider the consistency of the story itself, how its stands whilst under cross-examination and how far it fits in with the rest of the evidence and the circumstances of the case’.

Oleh yang demikian, Mahkamah yang mulia ini berpendapat bahawa keterangan yang diberikan oleh OKT telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Keraguan-keraguan yang timbul adalah seperti mana di bawah ini.

Pertamanya, tindakan OKT meminjamkan nombor akaun beliau kepada pelancong Arab tersebut adalah satu tindakan yang logik dan munasabah kerana beliau adalah seorang pemandu pelancong. Sepertimana alasan yang telah beliau berikan, beliau berbuat sedemikian kerana ingin memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan beliau dengan harapan beliau akan memperolehi pelanggan yang lain pada masa akan datang yang direkomen oleh pelanggan yang berpuashati dengan perkhidmatan yang beliau berikan. Ia sesuatu yang sangat logik dan sangat munasabah.

Keduanya, permintaan pelancong tersebut untuk meminjam akaun bagi membolehkan kawan beliau memasukkan duit untuk beliau menyambung percutian dan untuk tujuan membeli belah adalah alasan yang logik kerana pelancong itu adalah warganegara Arab yang tidak mempunyai akaun di Malaysia. Alasan yang lelaki Arab berikan itu sememangnya boleh dipercayai oleh semua orang, kerana ianya munasabah sama sekali melihat kepada diri lelaki tersebut sebagai seorang pelancong asing.

Ketiganya, seperti mana yang mahkamah ini nyatakan di atas tadi bahawa keterangan OKT bahawa beliau telah memberikan semua duit yang dimasukkan ke dalam akaun beliau tanpa sebarang syak kepada lelaki Arab tersebut adalah menunjukkan bahawa OKT ikhlas untuk menolong pelancong Arab tersebut tanpa sebarang niat yang tidak baik. Beliau juga tidak menuntut sebarang komisen dan imbuhan atas apa yang dilakukan. Ini menunjukkan bahawa OKT tiada niat untuk melakukan sebarang jenayah. Jika OKT berpakan atau berniat jahat sudah tentu beliau akan menuntut sejumlah bayaran atau komisen.

Seterusnya, mahkamah ini ingin menyatakan bahawa keterangan OKT yang menyatakan beliau tidak mengenali pengadu dan semua nama yang dinyatakan oleh saksi-saksi pendakwaan juga menunjukkan OKT tidak terlibat dalam jenayah ini.

Begitu juga, dalam keterangan OKT beliau menyatakan bahasa alamat yang beliau gunakan di dalam kenyataan beramaran kepada pihak polis, alamat yang tertera di dalam SSM dan alamat yang digunakan di dalam buku akaun bank juga adalah sama dan tidak pernah berubah. Mahkamah ini berpendapat ia adalah petanda bahawa OKT tidak terlibat dalam jenayah ini kerana masakan seseorang yang berniat atau bercadang untuk melibatkan diri dalam melakukan jenayah untuk menggunakan identiti yang tepat bagi diri mereka termasuklah alamat yang betul.

Seterusnya, mahkamah ini bersetuju dengan hujahan pihak pembelaan bahawa OKT ini adalah kambing hitam yang telah dipergunakan oleh lelaki Arab tersebut yang mengambil kesempatan atas kebaikan dan keikhlasan beliau dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik sebagai seorang pemandu pelancong.

Mahkamah ini juga bersetuju dengan hujahan pihak pembelaan bahawa keterangan OKT ini adalah bukan bersifat penafian semata-mata kerana Apa yang dinyatakan OKT dalam keterangan beliau telah pun dibangkitkan oleh peguambela OKT ketika di peringkat kes pendakwaan lagi. Keterangan OKT ini juga telah diberikan diperingkat percakpan beramaran lagi ketika dalam proses siasatan pegawai penyiasat kes. Sepatutnya pegawai penyiasat kes menyiasat dengan lebih terperinci tentang perkara ini.

KESIMPULAN

[14] Sepertimana prinsip undang-undang yang telah dibincangkan dan di gariskan di atas tadi, tugas pihak pembelaan di peringkat ini adalah untuk menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan.

Justeru itu, mahkamah ini mendapati bahawa perkara-perkara yang telah dibincangkan di atas tadi merupakan keraguan-keraguan yang munasabah yang telah berjaya ditimbulkan oleh pihak pembelaan. Oleh

yang demikian, keputusan yang dibuat oleh mahkamah dalam melepas dan membebaskan OKT dari pertuduhan di bawah Seksyen 424 Kanun Keseksaan ini adalah satu keputusan yang adil, tepat dan betul.

Bertarikh pada 7hb September 2017

Disediakan oleh,

.....
NIK HABRI BIN MUHAMAD

Majistret
Mahkamah Majistret 1
Kota Bharu, Kelantan.

Timbalan Pendakwaraya: Puan Wong Siew Mun

Peguambela: En. Ahmad Nurie bin Abd Rahman